

ورشة فنون Warta Penerangan



NOVEMBER 2015





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



Isi Kandungan

Muka

Berkenan berangkat ke Majlis Ilmu 2015	5 - 6
Serapkan penghayatan cinta kepada negara	7
Negara komited dukung perjalanan ASEAN-COICI	8
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan kali ke 25	9
Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif	10 - 11
Taklimat kenegaraan semai semangat patriotik penuntut	12
Generasi muda perlu disemai semangat patriotisme	13
Bendera lambang kesepakatan serta perpaduan	14
Optimakan pemahaman Lagu Kebangsaan, Bendera Negara	15
Taklimat kenegaraan di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong	16
Kejohanan Mini Paintball bagi Media berlangsung meriah	17
Program Sua Muka	18 - 19
ini Perpustakaan Rujukan Jabatan Penerangan : Wujudkan perkhidmatan berkualiti	20 - 21
Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / taklimat / kuliah awam bagi bulan November 2015	23
Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan	23
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	23

WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Berkenan berangkat ke Majlis Ilmu 2015

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad ,

Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim, Aimi Sani

Foto : Hamzah Mohidin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohammad Sahrizal Haji Said, Dk Nur Hafilah Pg Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani salah satu pameran dari Jabatan Penerangan dalam Pameran Media Berhemah Pemangkin Kesejahteraan Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan pameran dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

BERAKAS, Khamis, 12 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Majlis Ilmu 2015 sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-69 Tahun pada 9 November yang lalu.

Majlis Ilmu 2015 dimulakan dengan bacaan Surah Al Baqarah, ayat 142 hingga 143 dan sembah alu-aluan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2015.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM berkenan memulakan Penulisan Mushaf KUPU SB dengan Penulisan 'Basmallah' pada lembaran Umul Kitab dan kemudian berkenan berangkat ke Dewan Serbaguna bagi menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2015.

Pameran Majlis Ilmu 2015 (MajlEx2015) berperanan memberi pencerahan tentang 'Wasatiah' dari perspektif Islam yang antara lain mengetengahkan aspek akidah dan pemikiran, pentadbiran, perhubungan, perundangan, perindustrian, perekonomian, kesihatan dan perubatan, kewangan dan perbankan, pendidikan, sumber tenaga manusia dan lain-lain yang berkaitan dengan tema Majlis Ilmu 2015 'Wasatiah Asas Kesejahteraan Sejagat'.

Pameran MajlEx2015 berlangsung selama tujuh hari bermula 9 hingga 15 November 2015, di Dewan

FIRMAN ALLAH

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa suatu berita maka selidikilah kebenarannya (kerana dikhawatir) kamu akan menimpakan kepada suatu kaum (perkara yang tidak diingini) dengan sebab kejahilan kamu sehingga menyebabkan kamu menjadi orang yang menyesal atas apa yang kamu telah lakukan.

(Surah Al-Hujurat, Ayat 6)

Serbaguna, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ia dibahagikan kepada 13 bidang iaitu Kepimpinan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ke Arah Ummatan Wasatan; Aqidah Ummatan Wasatiah; Bidang Wasatiah dalam Pendidikan; Media Berhemah Pemangkin Kesejahteraan Negara; Masyarakat Brunei Masyarakat Wasatiah; Kewangan Islam Menjamin Kesejahteraan sejagat; Pelancongan Islam: Benar pada Namanya; Perundangan Islam Menjana Ummatan Wasatan; Brunei Darussalam di Persada Antarabangsa; Ekonomi dan Perniagaan; Modal Insan; Wasatiah Penjagaan Kesihatan dan Booth Kuiz.

Media dan Penyebaran Maklumat yang dipersembahkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Penerangan, AITI dan Principal Officer Media dan Kabinet, Jabatan Perdana Menteri mempamerkan mengenai penggunaan media ke arah manfaat dunia iwi dan ukhrawi, di samping cara penggunaan media berhemah, bijaksana, tidak mengaibkan dan menjatuhkan.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda berkenan bergambar ramai besama Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan semasa Pameran Majlis Ilmu 2015.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha berkenan meneliti akhbar rasmi Kerajaan 'Pelita Brunei'.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyaksikan Pameran Media Berhemah Pemangkin Kesejahteraan Negara.

Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2015 sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-69 Tahun pada 12 November 2015.

Pada majlis itu, Ceramah Perdana disampaikan oleh Dekan / Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Hajah Mas Nooraini binti Haji Mohiddin yang mengetengahkan tajuk 'Wasatiah Membentuk Keunggulan Wanita'.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat diraja seterusnya dijunjung menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2015.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa di Pameran Media Berhemah Pemangkin Kesejahteraan Negara.

Serapkan penghayatan cinta kepada negara



BERANGKAT ke sesi taklimat tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.



PROGRAM Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara.



PROGRAM diserikan dengan sesi Kuiz Kenegaraan bagi menguji kepintaran minda serta pengetahuan para pelajar tentang Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Oleh : Nurul Nadzirah Haji Mahadin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 November. - Penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri pelajar sedari awal agar semangat patriotik tidak akan luntur.

Ke arah itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah meneruskan Program Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).

Berangkat ke sesi taklimat tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqiib bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Program berkenaan bermula dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu sekolah berkenaan.

Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim yang antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara.

Program diserikan dengan tayangan klip video mengenai Bendera Negara dan sesi Kuiz Kenegaraan bagi menguji kepintaran minda serta pengetahuan para pelajar tentang Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Antara objektif Program Taklimat Kenegaraan berkenaan adalah bagi mengoptimakan penghayatan dan pemahaman terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara dan beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar serta memaparkan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati dan menjawab Bendera Negara serta Lagu Kebangsaan.

Beliau juga turut menjelaskan bahawa bendera itu bukan sahaja sepotong kain, tetapi apabila diangkat tarafnya menjadi bendera negara ia akan menjadi sesuatu yang tinggi nilainya.

Lebih 400 pelajar yang terdiri daripada para pelajar Tahun 7, 8, 9, dan 10; pengetua dan para guru sekolah berkenaan dan pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan hadir dan berpeluang mendengarkan taklimat mengenai peranan serta tanggungjawab rakyat dalam menghayati bendera negara dan lagu kebangsaan.

Negara komited dukung perjalanan ASEAN-COICI

Berita : Unit Hal Ehwal Antarabangsa

Foto : Ihsan Sekretariat Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Penerangan



ROMBONGAN delegasi dari Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Ke-50, Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, selaku Pengurus Kebangsaan ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam.

SURABAYA, INDONESIA, Rabu, 11 November. - Mesyuarat Ke-50, Komiti ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (50th Meeting of the ASEAN Committee on Culture and Information - ASEAN COCI) yang telah berlangsung pada 10 dan 11 November 2015 di Surabaya, Indonesia telah mempertimbangkan dan meluluskan cadangan-cadangan projek bagi tahun kewangan 2016 bagi kedua-dua sub-komititi dari negara anggota ASEAN.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad, selaku Pengurus Kebangsaan ASEAN-COICI Negara Brunei Darussalam dan disertai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad, selaku Pengurus Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Penerangan; Pemangku Penolong Pengarah (Kebudayaan dan Kesenian), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Haji Awang Damit, selaku Timbalan Pengurus Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Kebudayaan; dan para pegawai dari Jabatan Penerangan dan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB).

Negara Brunei Darussalam telah mengetengahkan beberapa projek, iaitu; 'Completing ASEAN Sculptures at Taman Damuan in Preparation for ASEAN City of Culture' daripada Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Kebudayaan (SCC), manakala 'ASEAN Television News : Integrates, Informs, Inspires', 'Voice of ASEAN - Beyond Boundaries (VoABB)' dan 'The Development of "We ASEAN" Application on Mobile Phone' daripada Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Penerangan (SCI).

Projek-projek yang telah dipertimbangkan itu dan projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun kewangan 2015 dijangka akan terus menerus melihatkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam mendukung aspirasi ASEAN ke arah Komuniti ASEAN pada tahun 2015 melalui cabang kebudayaan dan penerangan.

Terdahulu, Mesyuarat-Mesyuarat Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Kebudayaan dan Sub-Komititi ASEAN-COICI dalam bidang Penerangan telah diadakan serentak pada 9 November 2015.

Manakala satu mesyuarat tidak rasmi (informal) di antara ketua-ketua delegasi ASEAN-COICI dan pengurus-pengerusi SCC dan SCI telah diadakan pada 8 November 2015.

Pembukaan rasmi mesyuarat disempurnakan oleh Governor Jawat Timur, Dr. Soekarwo S. H. M. Hum, yang mana telah diwakili oleh Penasihat Kanan Governor Jawa Timur Bapak Agus Wahyudi, mengenai Program Pembangunan Sementara Mesyuarat ASEAN-COICI dipengerusikan oleh Bapak Kacung Marijan, Pengurus Kebangsaan ASEAN-COICI Indonesia.

Delegasi ke mesyuarat ini juga turut diraikan dengan Majlis Makan Malam Gala yang dihoskan oleh Pemangku Datuk Bandar Surabaya, Bapak Nurwiyatno, dengan dihadiri oleh Menteri Pendidikan dan Kebudayaan, Republik Indonesia, Dr. Anies Rasyid Baswedan.

ASEAN-COICI mempunyai laman sesawang yang boleh diakses melalui <http://cultureandinformation.asean.org> bagi orang ramai mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai aktiviti ASEAN-COICI selaras tujuan portal yang dilancarkan pada bulan Februari 2014 untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat ASEAN mengenai gabungan rantaun ASEAN.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan kali ke 25

Oleh & Foto:

Unit Hal Ehwal Antarabangsa
CONCERNING CO-OPERATION IN THE FIELD OF
BROADCASTING AND INFORMATION

BETWEEN
THE GOVERNMENT OF THE REPUBLIC OF SINGAPORE
AND
THE GOVERNMENT OF HIS MAJESTY
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM



SESI bergambar ramai bersama delegasi mesyuarat dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Republik Singapura, Khamis, 12 November. – Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan kali ke 25 (*25th Joint Technical Committee Meeting Concerning Co-operation in the Field of Broadcasting and Information*) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Republik Singapura telah diadakan pada 12-13 November 2015 di Republik Singapura. Mesyuarat ini merupakan kali ke-2 dalam membincangkan kerjasama dua hala di dalam bidang penerangan setelah dipersetujui untuk diadakan di bawah Memorandum Persefahaman di antara kedua buah negara pada tahun 2015.

Mesyuarat bagi Kumpulan Kerja Penerangan (IWG) Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Penyelaras Program dan Dayang Nur Zahirah binti Haji Osman, Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I.

Mesyuarat IWG telah dipengerusikan oleh Mr. Ong Beng Lee, Pengarah Bahagian Dasar Penerangan, Republik Singapura manakala Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad telah dilantik selaku Naib Pengerusi. Beberapa kertas kerja cadangan projek dan program telah dibincangkan semasa mesyuarat dalam meningkatkan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara. Melalui mesyuarat ini, dua buah program telah dipersetujui untuk diadakan pada tahun 2016 iaitu Program Pertukaran Pegawai Penerangan (*Information Officer Exchange Programme - IOEP*) dan Penempatan Kerja Penterjemah (*Translators Immersion Programme - TIP*).

Program IOEP akan mengongsikan amalan terbaik pengurusan media Republik Singapura semasa kejadian kecemasan dengan mengadakan beberapa



ROMBONGAN Negara Brunei Darussalam ketika mesyuarat IWG yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Dasar Penerangan, Republik Singapura, Mr. Ong Beng Lee.

siri lawatan dan sesi taklimat di beberapa buah agensi kerajaan di negara itu.

Manakala bagi Program TIP, Negara Brunei Darussalam akan menjemput penterjemah dari Republik Singapura untuk menjalankan penempatan kerja selama dua minggu pada bulan Oktober 2016. Mereka akan berpeluang untuk mempelajari dan memahami metodologi penterjemahan yang diamalkan di negara ini dalam meningkatkan tahap kemahiran penterjemahan masing-masing. Program ini dihasilat dapat mewujudkan rangkaian kerjasama pada masa akan datang di antara kedua-dua buah negara.

Perwakilan Negara Brunei Darussalam juga berpeluang dibawa ke MediaCorp Caldecott Broadcast Centre untuk menyaksikan konsert Rapsodi bagi tahun 2015.

Mesyuarat seterusnya akan diadakan di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bulan November 2016 dengan Negara Brunei Darussalam menjadi pengerusi mesyuarat berkenaan.

Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif



PENGETUA Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS), Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili ketika berucap semasa Program Rakan Remaja Penerangan.



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 November. - Dalam usahanya untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya peka dengan perkembangan semasa; menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya, Jabatan Penerangan meneruskan lagi Program Rakan Remaja Penerangan bertempat di Sekolah Menengah Awang Semaun (SMAS).

Program Rakan Remaja Penerangan yang dianjurkan bersama oleh Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dan SMAS merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam menyebarluaskan maklumat semasa.

Program tersebut juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja dan dalam masa yang sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Acara pada pagi itu turut diselajurkan dengan Majlis Penghargaan Kegiatan Luar (CCA) 2015 bagi penuntut-penuntut SMAS yang terpilih.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir, Pengetua SMAS, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili; guru-guru SMAS dan ketua-ketua cawangan daerah, Jabatan Penerangan.



PERSEMBAHAN tarian yang dipersembahkan oleh Kelab Tarian Sekolah Menengah Awang Semaun.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bergambar ramai bersama Pengetua SMAS, guru-guru kanan dan pelajar-pelajar pada Program Rakan Remaja Penerangan.



PELAJAR Sekolah Menengah Awang Semaun semasa menyertai Kuiz Kenegaraan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan Anugerah Pelajar Program Memperkaya Budaya Membaca 2015 kepada salah seorang penerima.

Pengetua SMAS dalam ucapannya menjelaskan bahawa para pelajar sebagai belia yang mudah terpengaruh atau menerima apa-apa yang didengar atau dilihat melalui media massa, dan sebagainya hendaklah menguatkan diri dengan cabaran-cabaran pada Abad Ke-21 era globalisasi ini.

Beliau kemudiannya menjelaskan, Majlis Penghargaan CCA 2015 pula merupakan acara tahunan bagi memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang bergiat aktif dalam CCA sama ada dari segi penyertaan, kedatangan dan sumbangan kepada kelab masing-masing.

Ini jelasnya, adalah sebagai penghargaan dan pengalak kepada pelajar-pelajar semua agar akan lebih aktif lagi dalam CCA kerana kepentingan CCA pada masa ini amat ditekankan kepada pelajar bukan saja untuk mengamalkan cara hidup sihat malah sijil penghargaan amat berguna kepada pelajar sebagai nilai tambah kepada ‘marketability’ pelajar apabila mereka memohon pekerjaan nanti.

Majlis diikuti dengan Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim yang antara lain menjelaskan dengan terperinci tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan

sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’, selain menjelaskan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik-kibarkan bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei serta Radio dan Televisyen Brunei.

Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan tegasnya, mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Program diserikan lagi dengan persembahan tarian dan rakaman video drama oleh pelajar SMAS. Seramai 200 pelajar Tahun 7 hingga tahun 10 termasuk tenaga pengajar sekolah tersebut yang hadir juga telah dihiburkan dengan lawak jenaka dan kuiz yang disampaikan oleh pelawak-pelawak undangan.

Pada majlis tersebut, Pemangku Pengarah Penerangan juga menyampaikan Anugerah Program Memperkaya Budaya Membaca 2015 kepada 13 pelajar, manakala Anugerah CCA 2015 telah disampaikan oleh Pengetua SMAS kepada 40 pelajar.

Taklimat kenegaraan semai semangat patriotik penuntut

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 16 November. - Penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam perlu diserapkan pada diri pelajar sedari awal agar semangat patriotik tidak akan pernah luntur.

Justeru itu, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan meneruskan Program Taklimat Kenegaraan bagi maktab-maktab dan sekolah menengah kerajaan seluruh negara dari semasa ke semasa.

Seramai 245 pelajar dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hari ini berpeluang mendengarkan taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat dalam menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan yang berlangsung di Dewan Kuliah, institut berkenaan.

Atur cara bermula dengan nyanyian ramai Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' yang turut dihadiri oleh Timbalan Pengetua ITQSHHB, Haji Awang bin Haji Aji.

Pegawai Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim dalam taklimatnya menjelaskan, bendera itu merupakan sepotong kain sahaja tetapi apabila diangkat tarafnya menjadi bendera negara ia akan menjadi sesuatu yang tinggi nilainya.

Beliau juga menyingkap sejarah bendera terdahulu yang mana sebelum tahun 1906 Negara Brunei Darussalam belum mempunyai bendera rasmi dan sehingga tahun 1906 bendera rasmi Negara Brunei Darussalam mula direka bentuk.

Program kemudian diteruskan dengan tayangan klip video mengenai bendera negara terbitan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan sesi Kuiz Kenegaraan.

Antara objektif Program Taklimat Kenegaraan ini diadakan bagi mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap lagu kebangsaan dan bendera negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, bernegara dan beragama yang berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para pelajar serta memaparkan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjawai bendera negara dan lagu kebangsaan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim menyampaikan taklimat kepada para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).



PARA pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) yang menghadiri Program Taklimat Kenegaraan anjuran Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan (gambar atas dan bawah)



Generasi muda perlu disemai semangat patriotisme



Oleh : Noraisah Muhammed

Foto : Rafa'ee Ya'akub, Anang Idris Haji Ramli



TAKLIMAT ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.



HADIAH Kuiz Kenegaraan disampaikan oleh wakil Pemangku Pengetua IBTE Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Kuala Belait, Dayang Rosmah binti Haji Salman.

KUALA BELAIT, Rabu, 11 November. - Taklimat mengenai ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ bertujuan bagi meningkatkan kefahaman serta semangat patriotisme para pelajar mengenai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Seramai 72 penuntut termasuk tenaga pengajar IBTE Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah (MKJB), Kuala Belait telah menghadiri taklimat tersebut.

Taklimat berkenaan merupakan usaha berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan Cawangan daerah ini menerusi program berkenaan yang disasarkan kepada penuntut Sekolah-Sekolah Menengah Seluruh Negara 2015.

Taklimat berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar yang antara lain menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’.

Beliau juga menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik-kibarkan (dan kemudian menurunkan) bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan.

Tegasnya, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

Majlis diserikan dengan kuiz kenegaraan yang telah dihoskan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Ismale bin Abd. Rahman.

Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Noriah binti Haji Abdul Hamid dan wakil Pemangku Pengetua IBTE, MKJB, Kuala Belait, Dayang Rosmah binti Haji Salman hadir sama memeriahkan lagi program berkenaan.

Bendera lambang kesepakatan serta perpaduan

Oleh : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Dk Nur Hafilah Pg Osman



SESI bergambar ramai bersama penuntut dari Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO).



KETUA Penerangan Cawangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi semasa menyampaikan taklimat kepada para pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO).

TUTONG, Selasa, 17 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan Cawangan Penerangan Daerah Tutong meneruskan lagi ‘Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ bagi Sekolah-Sekolah Menengah Seluruh Negara 2015 di daerah ini bertempat di Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Kampung Bukit Beruang.

Taklimat mengenai ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ telah disampaikan oleh Ketua Penerangan Cawangan Daerah Tutong, Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi.

Dalam taklimat itu, beliau antara lain menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik-kibarkan Bendera Negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ‘Allah Peliharakan Sultan’, selain menjelaskan definisi, peranan dan sejarah bendera serta lagu kebangsaan negara.

Turut hadir ialah Pengetua SMSO, Dayang Hajah Junainah binti Haji Abdul Rahman.

Bendera adalah lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan serta perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan serta penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Salah satu tujuan taklimat adalah untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar mengenai lagu kebangsaan dan bendera Negara Brunei Darussalam.

Antara isi program termasuklah menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan menaik-kibarkan bendera Negara Brunei Darussalam

sebagai pendidikan awal para pelajar ke arah mewujudkan semangat kenegaraan dan kesedaran hidup berbangsa, beragama serta bernegara.



PENGETUA Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), Dayang Hajah Junainah binti Haji Abdul Rahman turut menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz.



PELAJAR-PELAJAR Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO) semasa menjawab soalan Kuiz kenali Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Optimakan pemahaman Lagu Kebangsaan, Bendera Negara

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto: Ah Chua



SESI bergambar ramai sebagai kenang-kenangan antara para penuntut, tenaga pengajar Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT) dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan cawangan Daerah Temburong sejurus berlangsungnya Taklimat Kenegaraan di SPAT.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong ketika menyampaikan taklimat.



SUASANA semasa segmen kuiz kenegaraan diadakan.

TEMBURONG, Sabtu, 7 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong meneruskan siri taklimat kenegaraan dengan tumpuan kali ini bagi para penuntut Sekolah Persediaan Arab Temburong.

Berlangsung di dewan sekolah berkenaan, taklimat bertajuk ‘Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan’ disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong.

Dalam taklimatnya Pengiran Ikram antara lain menjelaskan bahawa Bendera Negara merupakan salah satu alat perpaduan, komunikasi dan isyarat, di samping sebagai identifikasi bangsa dan negara.

Bagi negara ini, bendera sering kali digunakan bagi menyemarakkan hari-hari istiadat seperti Istiadat Perkahwinan Diraja dan hari-hari kebesaran negara seperti Hari Kebangsaan dan Hari Keputeraan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Ketika dikibarkan pada hari-hari yang telah ditetapkan bendera hendaklah dalam keadaan baik dan sempurna (tidak koyak, luntur atau pudar warnanya),” tegasnya.

Menyentuh mengenai Lagu Kebangsaan pula, seni kata Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, katanya, adalah unik dan menarik kerana ia lebih berunsurkan doa untuk raja dan negara.

Seni kata Lagu Kebangsaan yang berunsurkan doa itu, ujarnya, membawa makna iaitu permohonan dan harapan kepada Tuhan semoga raja dan negara sentiasa dalam keselamatan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

Sejurus taklimat, juga diadakan kuiz bagi menguji kepintaran minda dan pengetahuan para penuntut tentang Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Taklimat Kenegaraan di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong

Oleh & Foto :

Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain



PARA pegawai dari Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong bergambar ramai bersama guru-guru serta para penuntut yang hadir semasa taklimat kenegaraan.

BANGAR, Selasa, 17 November. - Seramai 150 orang pelajar Tahun 7,8,9 Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar Temburong telah mendengarkan taklimat kenegaraan Menghayati Bendera Negara & Lagu Kebangsaan anjuran Cawangan Penerangan Daerah Temburong.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, Penolong Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong.



PENUNTUT perempuan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar semasa menghayati taklimat kenegaraan.

Juga hadir pada taklimat tersebut ialah para pegawai dan kakitangan Cawangan Penerangan Daerah Temburong serta guru-guru sekolah berkenaan.

Sesi taklimat diikuti dengan segmen kuiz kenegaraan yang disertai oleh 10 orang pelajar lelaki dan 10 orang pelajar perempuan. Penyampaian hadiah dan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada wakil SMSH disempurnakan oleh Dayang Hajah Noorhijrah.



SEGMENT Kuiz kenegaraan turut dikendalikan bagi menguji kefahaman pelajar mengenai taklimat kenegaraan yang telah disampaikan.

Kejohanan Mini Paintball bagi Media berlangsung meriah



GAMBAR ramai pasukan jemputan mewakili media-media tempatan dan pasukan penganjur RBTS yang menyertai Kejohanan Mini Paintball bagi Media Piala ADI 2015.

Oleh : Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Jumaat, 13 November. - Dalam usaha bagi memperkenalkan sukan Paintball di negara ini dan seterusnya menarik minat orang ramai untuk menyertai Paintball, Royal Brunei Technical Services (RBTS) telah menganjurkan Kejohanan Mini Paintball bagi Media Piala ADI 2015 berlangsung di Arena Paintball RBTS, Jerudong.

Kejohanan yang julung kalinya diadakan itu dianjurkan sepenuhnya oleh RBTS dengan kerjasama pasukan Persatuan Paintball Kebangsaan Brunei PANTAS dan BRUREF.

Sebanyak sembilan buah pasukan jemputan mewakili media-media tempatan menyertai kejohanan tersebut yang terdiri daripada RTB-TV Sukan, RTB-Radio Sukan, Pelita Brunei, Kristal FM, Borneo Bulletin, The Brunei Times, Ranoadidas, Anak Brunei dan pasukan penganjur RBTS.

Pasukan Anak Brunei muncul johan pada kejohanan tersebut sekali gus membawa pulang piala rebutan, manakala naib johan dimenangi oleh pasukan Ranoadidas dan tempat ketiga bersama diraih oleh pasukan RTB-Radio Sukan dan RBTS.

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengurus Kanan RBTS, Dayang Hajah Kamsiah binti Haji Masri.

Media-media tempatan yang mengikuti kejohanan ini juga berkesempatan bermain bersama pasukan Paintball Kebangsaan yang pernah mewakili negara di Kejohanan Paintball Dunia di Langkawi, Malaysia baru-baru ini.



PASUKAN yang mewakili Pelita Brunei pada kejohanan tersebut.



ANTARA aksi-aksi semasa permainan berlangsung.

Program Sua Muka

Foto:

Rafa'ee Ya'akub, Hernie Suliana Haji Othman, Dayangku Nur Hafilah Pengiran Osman, Anang Idris Haji Ramli



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Ah Joup Anak Rading, Ketua Rumah Panjang Malayan, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait pada 3 November 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Jamit Anak Lasah, Ketua Rumah Panjang Teraja, Mukim Labi, Daerah Belait pada 3 November 2015.



PROGRAM Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini Jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Maklumat kampung disiarkan di akhbar Pelita Brunei iaitu melalui ruangan Kenali Negara Kitani. Isu-isu yang berbangkit dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tindakan masing-masing. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Puspa Wira bin Haji Md Noor, Ketua Kampung Rimba pada 5 November 2015.



PROGRAM Sua Muka di kediaman Awang Haji Adanan bin Taha @ Awang Mohamad, Ketua Kampung Kawasan 1 RPN Rimba pada 7 November 2015.



Mini Perpustakaan Rujukan Jabatan Penerangan : Wujudkan perkhidmatan berkualiti

Oleh : Nurul Hazwani Abu Omar

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri mempunyai Mini Perpustakaan Rujukan (MPR) yang ditempatkan di tingkat bawah Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama Berakas.


MPR Jabatan Penerangan ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai pusat menyimpan dokumen serta rujukan bagi kegunaan para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan. Ia mula dibukakan secara rasmi bagi tujuan rujukan dan penyelidikan kepada orang ramai khususnya para penyelidikan dan penuntut-penuntut bermula pada bulan

Februari tahun 1993. MPR ini termasuk dalam bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Penerangan.

Mini perpustakaan tersebut kebanyakannya menyediakan dokumen, bahan-bahan rujukan dan sumber maklumat yang berkaitan dengan hal Ehwal Negara Brunei Darussalam, di samping itu juga, negara-negara lain dalam bentuk media cetak.

Usaha ini adalah bersesuaian dengan tugas dan fungsi Jabatan Penerangan untuk memberi dan menyebarluaskan maklumat-maklumat dan penerangan yang berhubung dengan perkembangan isu-isu semasa dan juga matlamat dan dasar-dasar kerajaan dan negara seperti dalam peranan utama Jabatan Penerangan, iaitu salah satunya sebagai lidah dan telinga kerajaan. Di samping berperanan dalam menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan dan juga mendengar isi-isu dan concerns orang ramai dan memahami agenda media massa serta memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara.

Sehingga kini, cuma dua kakitangan Jabatan Penerangan yang bertugas dan memegang jawatan sebagai Pembantu Perpustakaan. Tanggungjawab mereka adalah menyelenggarakan MPR tersebut.



AKHBAR rasmi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Pelita Brunei secara berjilid juga ada disediakan untuk rujukan.

KOLEKSI

MPR mempunyai terdapat pelbagai koleksi khas seperti terbitan Jabatan Penerangan yang berbentuk buku, majalah dan juga akhbar rasmi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Pelita Brunei secara berjilid; Koleksi Titah-Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semenjak tahun 1987, Buku-buku sempena Lawatan Negara (Lawatan Rasmi Kebawah DYMM ke luar negara), Tetamu Negara (Lawatan Rasmi Pembesar-Pembesar Luar Negara ke Negara Brunei Darussalam), Hasrat Negara (Titah-Titah Kebawah DYMM dan sembah ucapan Sempena Hari Puja Usia Baginda), Haluan (Sabda dan ucapan Menteri-Menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam), Laporan Tahunan berbahasa Melayu dan Inggeris, Koleksi Akhbar Pelita Brunei sejak tahun 1954, Brunei Darussalam Newsletter, buku yang memaparkan perkembangan keempat-empat daerah di negara ini.



SUASANA Mini Perpustakaan Rujukan Jabatan Penerangan yang menyediakan pelbagai koleksi dokumen, bahan-bahan rujukan dan sumber maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal negara kita dan negara-negara lain dalam bentuk media cetak.

Begitu juga poster-poster dan buku-buku ihsan dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Negara Brunei Darussalam dan ihsan dari pejabat suruhanjaya-suruhanjaya tinggi dan kedutaan negara-negara sahabat ke Negara Brunei Darussalam dan orang awam.

PENGKATALOGAN BAHAN-BAHAN PERPUSTAKAAN

Bagi mewujudkan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna, MPR berusaha mengumpul serta menyusun kembali bahan-bahan perpustakaan secara bersistematis melalui sistem pengkatalogan yang terperinci dari segi peraturan dan penetapan entri serta bidang perkara. Bahan-bahan yang telah dikatalog ini dapat membantu perpustakaan Jabatan Penerangan untuk memberikan perkhidmatan yang cepat dan tepat kepada pengguna dan penyelidik. Kebanyakan yang menggunakan MPR Jabatan Penerangan terdiri mahasiswa atau mahasiswi, penjawat Perkhidmatan Awam dan juga penuntut sekolah-sekolah.

Bagi sesiapa berhasrat untuk membuat rujukan dan penyelidikan di MPR Jabatan Penerangan ini adalah dialu-alukan dan bolehlah memohon secara bertulis atau pun datang pada hari-hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.



BAHAN-BAHAN yang telah dikatalog dapat membantu Mini Perpustakaan Rujukan Jabatan Penerangan untuk memberikan perkhidmatan yang cepat dan tepat kepada pengguna dan penyelidik.



BUKU-BUKU ihsan dari negeri ASEAN juga terdapat di MPR.

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam

Oleh : Unit Latihan dan Penyelidikan

Foto : Pengiran Amirul Nizam Pengiran Haji Mohd Ali



PARA mahasiswa membentangkan hasil penempatan kerja mereka.



PENYAMPAIAN sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 November. - Seramai 11 orang mahasiswa-mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam yang menjalani Program Penempatan Universiti Brunei Darussalam Discovery Year Sesi Akademik 2015/2016 selama 14 minggu di Jabatan Penerangan telah menerima sijil setelah membentangkan hasil penempatan kerja mereka di bahagian dan unit mereka ditempatkan iaitu Bahagian Pelita Brunei, Unit I.T. & Media Baru, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Awam, Unit Pentadbiran, Unit Hubungan Masyarakat dan Unit Penerbitan Inggeris.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Juga hadir Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Pegawai Pentadbir dan pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan.

Sepanjang penempatan kerja, mahasiswa mahasiswa didedahkan dan dilibatkan dalam pelbagai tugas dan aktiviti jabatan seperti pemberitaan dalam Pelita Brunei; urusetia Program Pertukaran wartawan ASEAN-Republic of Korea; Program Sua Muka dan lain-lain.



PARA mahasiswa dan mahasiswa bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan dan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Penerangan.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / taklimat / kuliah awam pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Khairul Shaharim bin Haji Abdul Ghafor	Designing Like Professional	2 - 5 November 2015
2. Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi 3. Awang Haji Masamaleh bin Haji Mohd. Ali 4. Awang Haji Rahime @ Haji Maznibi bin A. Haji Anuar 5. Awang Abdullah bin Sabang	Persediaan Persaraan	2 - 14 November 2015
6. Dayang Nor Ajijah binti Haji Mohammad 7. Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang	Asas Etika Mesyuarat	3 - 4 November 2015
8. Dayang Hajah Rabi'atul 'Adawiyah binti Haji A. Ahmad	Pengurusan Mesyuarat Berkesan	3 - 5 November 2015
9. Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Team Learning	9 - 10 November 2015
10. Dayang Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang	Menjana Kepimpinan Diri	16 - 17 November 2015
11. Dayang Jurainah binti Haji Jahit / Jait	Komunikasi Bersama Pelanggan	23 - 25 November 2015
12. Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad	Perkhidmatan Pelanggan Yang Berkualiti	23 - 26 November 2015
13. Dayangku Nur Azhani @ Dayangku Mas Ayu binti Pengiran Dr. Hidop	Secretarial Skill	23 - 26 November 2015
14. Dayang Nurul Hafilah binti Ali Rahman 15. Awang Mohammad Arif bin Matali	Easy Way to Produce Advertising	23 - 26 November 2015
16. Dayang Nurhayani binti Haji Abdul Latif	Kursus Perkeranian	23 - 28 November 2015
17. Awang Mohd. Adi Zamhari bin Haji Awang Yahya 18. Awang Zainuddin bin Haji Muhammad Hussein 19. Awang Haji Sufri bin Haji Jamil	Ceramah 'Integriti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam, Konsep dan Amalannya'	23 November 2015
20. Dayang Zawiyatun Ni'mah binti Mohammad Akir	Minda Harmoni	30 November - 1 Disember 2015

Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan:



Dayang Rasidahwaty binti Haji Assim sebagai Kerani Sulit di Kementerian Perhubungan
Tarikh berpindah: 2 November 2015

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Dayang Marlinawaty binti Hussin
Jawatan : Pemberita
Tarikh melapor: 26 November 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242

